

# Kerajaan puas

Oleh **Ismail**

SHAH ALAM, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Kerajaan menerima penjelasan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaafar Hussein berhubung punca kerugian bank itu sebanyak RM9.3 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1992.

Menurutnya, kerajaan berpuas hati dengan penjelasan Jaafar, yang mengesahkan kerugian itu tidak berpunca daripada penyelewengan, sebaliknya cuma dari segi nilai buku dan bukannya mata wang nyata.

Sehubungan dengan itu, katanya, kerajaan tidak bercadang mengambil tindakan terhadap pengurusan Bank Negara hanya semata-mata kerana perkara itu diperbesar-besarkan oleh pihak tertentu yang berkepentingan.

"Pihak berkenaan tidak jujur kerana ketika Bank Negara untung, mereka marab dan menyelar tindakan kita berniaga tukaran wang asing. Mereka tulis rencana panjang semata-mata menunjukkan keburukan kita.

"Mereka sebenarnya berniat menyebarkan berita kononnya kita tidak tahu mengendalikan kewangan negara, tapi kita tidak kisah kerana tahu siapa mereka, mereka nak kata katalah.

"Bagaimanapun, saya rasa tidak adil jika kerajaan bertindak terhadap Bank Negara dengan membuang orang itu dan orang ini kerana apabila untung, kita senyap tetapi bila rugi kita buang pula," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Penyelidikan dan Pembangunan, Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) di sini, hari ini.

Semalam, dalam kenyataan akbarnya, Jaafar berkata, kerugian Bank Negara hanya dari segi nilai buku dan berpunca da-

ripada kekukuhan nilai ringgit, kos pengendalian inflasi yang tinggi serta pergerakan turun naik pertukaran mata wang yang meluas.

Menurutnya, Bank Negara tidak menanggung kerugian sebenar dalam hal ini sebaliknya cuma nilai pasaran (pasaran ke pasaran) dolar Amerika yang mengalami kejatuhan.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir, berkata kerugian itu tidak perlu diperbesar-besarkan kerana sebelum ini kerajaan tidak pernah menghebohkan keuntungan yang pernah dicatatkan oleh Bank Negara.

Beliau berkata, ia tidak menjejaskan negara yang kini berjumlah RM46 bilion. Ia boleh membiayai pembelian keperluan negara untuk tempoh 77 bulan berbanding hanya empat bulan pada masa dahulu.

Beliau turut bersetuju pandangan Jaafar bahawa kerugian yang dicatatkan tidak dapat dielak kerana risab luar negara terjejas berikutan kemerosotan nilai mata wang asing.

"Umpamanya kalau dulu El bersamaan RM5 jadi kalau kita simpan £1,000 bermakna kita ada RM5,000, tetapi kini El jatuh kepada RM4. Ini bermakna kalau kita ada £1,000 ia turun kepada RM4,000. Kita hilang RM1,000," katanya.

Beliau berkata, kejatuhan itu turut berpunca nilai mata wang asing yang tidak stabil sehingga menyebabkan pelabur tidak mempunyai pilihan mata wang mana yang stabil berbanding ringgit (RM).

Perdana Menteri, berkata, orang ramai perlu faham bahawa kedudukan kewangan banyak bergantung kepada mata wang asing, kerana jika ia turun bermakna kita kekurangan wang tetapi jika naik maka kita akan dapat lebih.

# hati: PM